

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DATARAN MERDEKA, KUALA LUMPUR
PELANCARAN CITRA PUTERI
07 APRIL 1996

1. Saya mengucapkan tahniah kepada Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM) yang telah membawa satu pendekatan untuk memperkukuh dan memperkayakan system serta orientasi nilai dalam masyarakat. Dalam masa yang sama, program Citra Puteri ini akan menyemarakkan gaya hidup yang lebih progresif terutama daripada golongan generasi muda. Saya yakin pembentukan sistem nilai tidak akan wujud tanpa persefahaman serta sokongan padu daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada dari golongan sebaya, institusi keluarga, institusi formal, pertubuhan bukan Kerajaan, pertubuhan puradaya dan juga sektor swasta.
2. Dengan berlangsungnya Citra Puteri ini, maka wujudlah semangat kekeluargaan dan harapan saya agar kita bersama-sama sebagai satu keluarga menangani serta membanteras fenomena terkini seperti gejala-gejala yang tidak sihat yang kian menular di kalangan remaja masakini.
3. Semoga program-program seperti ini dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh PPIM dan pertubuhan-pertubuhan yang lain.
4. Dengan lafaz Bismillahir rahma nirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Citra Puteri 1996.